

19/12/1997

Pelbagai isu warnai industri hiburan

Mokhtar Alias

Dalam keseronokan mendengar lagu Siti Nurhaliza, Ziana Zain, Spring atau terpesona dengan filem lakonan Amy Mastura, Erra Fazira, Awie, ada ketikanya khalayak peminat dikejutkan dengan pelbagai isu dan khabar menggemparkan dalam industri hiburan tanah air sepanjang 1997.

Ketika menunggu fajar tahun baru, kenangan itu pasti mengusik sukma kerana ia mengundang peristiwa pahit dan manis yang mewarnai industri ini. Malah, ia tidak boleh dilupakan begitu saja kerana banyak iktibar dan pengajaran yang boleh diperolehi daripada pengalaman itu.

Daripada beberapa peristiwa itu, sudah pasti karyawan boleh menjadikannya sebagai batas sempadan dalam membuat sebarang tindakan. Yang pahit itu terpaksa ditelan tetapi carilah penawar untuk mengubatnya. Bagi mereka yang mengecap manis pula harus beringat supaya tidak dijangkiti penyakit berbahaya.

Karyawan M Nasir terus menggemparkan masyarakat. Selepas berakhirnya isu daripada celupar mulutnya: "Siapa Mahathir", yang pernah mencetuskan kemarahan di kalangan masyarakat, sekali lagi M Nasir menjadi tumpuan gara-gara atas apa yang disifatkan oleh beberapa pihak sebagai angkuh tidak bertempat.

Mac lalu, M Nasir dilaporkan membuat dakwaan bahawa syarikat rakaman kadang-kadang terpaksa 'memberi makan' kepada orang tertentu supaya lagu mereka boleh disiarkan. Kenyataan itu dibuat ketika Nasir menjadi salah seorang ahli panel di seminar muzik berjudul Media dan Industri Muzik sempena Minggu Muzik Malaysia anjuran Akademi Industri Muzik Malaysia (AIMM).

Akibat daripada kenyataan itu, juruhebah Radio 1, Ainul Jamal Zainal yang bertindak mewakili rakan setugas menyifatkan komposer itu bermulut celupar dan bagaikan hendak mencari pasal dengan stesen radio.

Menurutnya, dakwaan itu seolah-olah hendak memalukan juruhebah radio sekali gus merendahkan martabat mereka yang terbabit dalam tugas ini.

Berikutan itu, Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed Rahmat, berkata M Nasir akan menerima padah jika tidak memberikan penjelasan secara rasmi kepada Kementerian Penerangan berhubung dakwaannya.

Beliau berkata, dakwaan itu dianggap serius kerana mengeluarkan kenyataan itu secara terbuka iaitu pada satu seminar rasmi dan ini bukan pertama kali komposer itu bermulut celupar dan mencari pasal dengan RTM.

"Sama ada suka atau tidak, dia (M Nasir) perlu beri penjelasan atau laporan secara rasmi kepada kita. Saya menganggap dakwaannya itu serius dan berat. Saya juga perlu memelihara maruah kakitangan saya. Kalau laporan dia betul, kita boleh mengenakan tindakan tatatertib terhadap kakitangan yang terbabit. Tapi kalau laporan itu tidak betul, dia kena sedia menerima padahnya," katanya.

Perkara ini masih dibincangkan dan sehingga sekarang nampaknya M Nasir benar-benar menerima 'padah' akibat kenyataannya yang dianggap oleh satu pihak lagi sebagai sesuatu yang berani untuk menegakkan kebenaran, sekalipun dia terpaksa membayar dengan harga yang mahal. Lagu dan karyanya dikatakan masih terus menyepi dalam mana-mana program RTM.

Pada masa sama, pihak media memaparkan terhadap apa yang disebut budaya 'payola', iaitu suatu kegiatan syarikat rakaman membayar dan memberi ganjaran tertentu kepada juruhebah untuk membolehkan lagu mereka mendapat perhatian dan kerap disiarkan. Payola dikatakan mula wujud di Amerika Syarikat dan ada pandangan mengatakan ia tidak mustahil boleh berlaku di

mana saja, termasuk negara ini.

Tidak kurang hangatnyalah pembatalan konsert kumpulan KRU - Norman, Edry dan Yusri - yang diberi judul KRUMANIA. Antaranya, KRU tidak dibenarkan mengadakan konsert di Kedah dan Johor. Sehingga kini, Kedah menolak secara total kehadiran KRU.

Ini menimbulkan polemik di kalangan penggiat seni yang keliru dengan peraturan konsert yang dibolehkan di sesuatu tempat dan pada tempat lain, ia dilarang. Pada masa yang sama, pelbagai isu berkaitan turut tersirat yang menyebabkan kerajaan Kedah menganjurkan forum membincangkan isu itu.

Kemuncak isu itu ialah campur tangan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang agak berlembut dalam menanganinya. KRU diminta menemui Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik untuk membincangkan masalah itu.

Akhirnya, KRU dibenar mengadakan konsert dengan menukar tajuknya kepada KRU Mega Tour tetapi ia terus menarik perhatian masyarakat seni tanah air.

Sebelum itu, KRU juga menggemparkan industri muzik tanah air menerusi isu lagu Getaran Jiwa. Mereka merakamkannya secara duet dengan Tan Sri P Ramlee (allahyarham) menggunakan teknologi terkini rakaman.

Tindakan kumpulan ini menimbulkan pro dan kontra. Seseengah pendapat mengatakan KRU mendahului zamannya kerana perkara ini hanya dilakukan di Barat seperti Natalie Cole berduet dengan Nat King Cole (mendiang) menerusi lagu Unforgettable dan John Lennon bersama Beatles, Free As A Bird.

Satu pihak lagi, terutama golongan ulama berpendapat perkara ini tidak wajar dilakukan kerana ia seolah-olah mempersendakan orang yang sudah meninggal dunia dan meninggalkan kesan kurang baik terhadap keluarga allahyarham.

Pelakon Hindi yang tidak asing lagi, Salman Khan tidak kurang gemparnya apabila dia membuka bajunya dalam satu pertunjukan pentas di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, pada Mei lalu.

Kesan daripada tindakannya itu, Setiausaha Bahagian Kebudayaan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Mohd Arif Yusof, berkata artis luar negara yang melanggar peraturan ketika mengadakan persembahan di negara ini boleh dikenakan tindakan dengan melarang mereka mengadakan persembahan pada masa depan. Dalam kes Salman Khan, ia tidak terkecuali daripada tindakan itu.

Beliau berkata, pihaknya juga sukar memberikan kebenaran kepada penganjur persembahan itu sekiranya mereka membuat permohonan pada masa depan.

"Pihak kami kecewa dengan laporan mengenai artis itu melanggar peraturan yang ditetapkan oleh kementerian," katanya.

Peminat beranggapan tindakan artis itu melampau kerana ia bukan saja melanggar peraturan ditetapkan oleh pihak berkuasa, malah ia menyentuh tata susila rakyat setempat.

Sebelum persembahan itu, Salman Khan bersama artis lain Manisha Koirala, Atul Agnihotri, Ajis Kumar, Bhagyashree, Sachin dan Abhijeet, tidak muncul pada sidang akhbar yang diadakan oleh penganjurnya. Salah faham di antara penganjur dan pihak artis berterusan pada malam persembahan sehingga tempiasnya terkena pihak media.

Malang tidak berbau apabila penggambaran adegan berbalas tembak dalam sebuah filem, berakhir dengan tragedi apabila dua lelaki dipercayai krew sebuah syarikat perfileman cedera parah tertembak, awal pagi 4 September lalu.

Dua lelaki cedera parah di dada dan rusuk kanan dipercayai terkena tembakan peluru kapur dari jarak dekat. Mangsa dikenali Hazizan Sahak, 36, cedera di dada dan dilaporkan tidak sedarkan diri manakala rakannya, Omar Ismail terkena peluru di rusuk kanan dan kedua-duanya dirawat di wad

kecemasan Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Mengikut laporan akhbar, mangsa terkena tembakan peluru kapur yang dilepaskan seorang pelakon yang menggunakan sepucuk pistol untuk adegan berbalas tembak. Tetapi, pelakon terbabit terlepas tembakan ke arah jurugambar yang berada berhampiran dengannya dan mengakibatkannya parah.

Berikutan kejadian yang menggemparkan itu, polis mengeluarkan arahan bahawa penggambaran yang menggunakan senjata api dihentikan sehingga selesai siasatan mengenai perkara itu.

Soal penganjuran Festival Filem Malaysia Ke-13 (FFM13) terus menghangatkan suasana industri perfileman.

Gabungan Karyawan Filem Malaysia (Gafim) dan Persatuan Pengeluar-Pengeluar Filem Malaysia (PFM) bertegas untuk menganjurkan festival yang dianggap paling berprestij dalam usaha memartabatkan karyawan filem tempatan.

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (Finas) pula terus bertahan supaya penganjuran itu dibuat oleh Gafim yang kini diterajui Othman Hafsham.

Selepas beberapa siri rundingan, akhirnya PFM13 diberikan kepada Gafim dengan kerjasama persatuan tanah air, pada penghujung Disember ini.

Masih dalam soal filem, kekecohan yang mengakibatkan filem Layar Lara terbitan Pesona Pictures digugurkan daripada pencalonan Festival Filem Asia Pasifik ke-42 di Pulau Cheju, Korea Selatan, pada 6 hingga 9 Oktober lalu, dianggap memalukan negara. Pihak penerbit dikatakan bersikap acuh tidak acuh berhubung penghantaran filem berkenaan.

Presiden PFM, Tan Sri Kamarul Arifin menyatakan kekesalannya terhadap pengguguran filem Layar Lara dan menyifatkan ia sesuatu kecuiaan yang tidak sepatutnya terjadi.

Menjelang fajar 1997 melabuhkan sayapnya, karyawan seni nampaknya membincangkan secara serius soal Akta Muzik yang boleh menjadi pelindung terhadap kegiatan seni dan muzik tanah air.

Perkara ini pernah heboh kira-kira lima tahun lalu, sebelum ia sekali lagi dibangkitkan oleh Megat Junid yang mencadangkan penubuhan badan induk untuk mengawal industri muzik.

Persatuan Penyanyi Pemuzik dan Pencipta Lagu (Papita) yang memperjuangkan perkara ini sejak sekian lama menyambutnya dengan tangan terbuka, selain hampir keseluruhan karyawan seni dan muzik memberi sokongan padu.

Pengerusi Finas, Tan Sri Samad Idris, berkata akta muzik sudah siap dirangka dan pernah dikemukakan kepada Kabinet, pada 1993. Bagaimanapun, tiada keputusan dibuat berhubung perkara itu.

Beliau meminta Kementerian Penerangan membawa perkara itu kepada Kabinet dan jika diluluskan boleh dibawa dalam sesi sidang Parlimen akan datang untuk membolehkan Akta Muzik menjadi kenyataan.

Katanya, negara mengalami kerugian berjuta ringgit akibat ketiadaan akta yang boleh mengawal industri muzik secara langsung.

Adalah dijangka isu Akta Muzik dan badan induk akan terus mewarnai 1998 kerana ada tanda-tanda memperlihatkan kerajaan kembali serius menangani permasalahan itu.

Selain kementerian diterajui Megat Junid, Mohamed Rahmat dan Sabbaruddin turut memberi sokongan terbuka.

Dalam perkembangan terbaru, Mohamed Rahmat bersetuju untuk membawa semula akta muzik ini kepada Kabinet. Sudah pasti, ia adalah khabar menggembirakan sekiranya Kabinet memberi kelulusan, sebelum ia dibentangkan kepada Parlimen. Jika ini menjadi kenyataan, satu sejarah baru akan terpahat dalam industri muzik tanah air pada tahun depan.

(END)